

Protes Filem AntiIslam Dan Kartun: Pemuda Umno Dan PAS Anjur Protes Berasingan
Bernamea
20 September, 2012

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno akan mengadakan protes berasingan daripada Dewan Pemuda PAS bagi mengecam penerbitan filem antiIslam 'Innocence of Muslims' dan kartun di dalam majalah Perancis Charlie Hebdo, Jumaat.

Ia dilakukan atas faktor keselamatan setelah berbincang dengan Ketua Dewan Pemuda PAS semalam, dan mendapat nasihat Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, kata Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin.

"Kami risau dari segi keselamatan apabila terlalu ramai penyokong politik yang berbeza bertembung di Kedutaan Amerika Syarikat, keadaannya panas dan kami telah buat keputusan itu. Tujuan esok melahirkan bantahan filem Innocence of Muslim, jangan perkara itu ditenggelami oleh kerana insiden yang boleh berlaku.

"Saya juga rujuk kepada Menteri Dalam Negeri, hendak pastikan esok selamat dan saya dapat nasihat lebih baik kita pecahkan crowd, kalau tidak (akan menjadi) terlalu ramai dan ada kebimbangan sesuatu boleh berlaku dan kita tak nak hantar mesej yang salah kepada masyarakat dunia," katanya pada sidang media di sini pada Khamis.

Isnin lepas, Khairi mengumumkan Umno dan PAS akan bergabung dalam bantahan besar-besaran bagi mengutuk filem terbitan Sam Bacile dari California, Amerika Syarikat itu Jumaat.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695937>